

Pengaruh Kepimpinan Beretika Menjana Transformasi Tingkah Laku Pengikut

The Influence of Ethical Leadership Generates Behavioral Transformation of Followers

Siti Sarawati Johar^{1*}, Noranifitri Md Nor¹, Harliana Halim¹

¹ Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author: sarawati@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.01.007>

Maklumat Artikel

Diserah: 15 Mei 2023
Diterima: 29 Mac 2024
Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Pengaruh, kepimpinan, beretika, transformasi, pengikut

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pengaruh kepimpinan beretika ketua ke atas transformasi tingkah laku pengikut. Ia merangkumi dimensi kebolehpercayaan pengikut terhadap kewibawaan seseorang ketua dalam organisasi. Kualiti sebagai ketua bukan sahaja berdasarkan bahasa dalam perkataannya, akan tetapi juga bahasa badannya yang perlu seiring dengan apa yang tersirat dalam minda dan jiwanya, sehingga terjelma secara tersurat dalam tingkah lakunya. Ketua menjadi suatu petunjuk pada reka bentuk dan arah perjalanan pengikut dalam melunaskan apa yang menjadi matlamat serta objektif bersama. Perbincangan ini menyelusuri perkara mengenai beberapa dimensi kepimpinan yang diperlukan dalam pembentukan modal insan yang mantap. Dimensi ciri-ciri kepimpinan itu merangkumi dimensi nilai yang positif yang seharusnya diterjemahkan secara eksplisit dan implisit sebagai teladan, manakala aspek negatif sebagai pengajaran. Ia dapat memberikan gambaran bahawa tanggungjawab sebagai ketua bukan sahaja tertakluk kepada entiti dominasi yang menguasai pengikut secara langsung, akan tetapi turut perlu mengetengahkan nilai seorang ketua yang digarap dari aspek keperibadian yang beretika dan mulia. Sisi gelap ketua hanya akan mengubah landskap fitrah organisasi kerana akan wujud senario kepatuhan melalui pengikut yang melupakan etika dan adab sebagai insan. Oleh itu, ketua perlu meletakkan sisi cerah keperibadiannya sebagai asas kepimpinan bagi memastikan segalanya adalah sejajar dengan nilai dan norma sejagat.

Keywords

Influence, leadership, ethical, transformation, followers

Abstract

This article discusses the influence of the leader's ethical leadership on the transformation of followers' behavior. It includes the dimension of followers' trustworthiness towards the authority of a leader in the organization. The quality of being a leader is not only based on the language in his words, but also his body language which needs to go along with what is implied in his mind and soul, so that it is manifested in writing in his behavior. The leader becomes an indication of the design and direction of the follower's journey in fulfilling what is a common goal

and objective. This discussion explores the issues of several dimensions of leadership that are required in the formation of solid human capital. The dimensions of leadership characteristics include positive value dimensions that should be translated explicitly and implicitly as role models, while negative aspects as lessons. It can give the impression that the responsibility as a leader is not only subject to the dominant entity that controls the followers directly, but also needs to highlight the value of a leader that is worked on from the aspect of ethical and noble personality. The dark side of the leader will only change the landscape of the nature of the organization because there will be a scenario of reckless obedience of followers who discard ethics and manners as human beings. Therefore, the leader needs to put the bright side of his personality as the basis of leadership to ensure that everything is in line with universal values and norms.

1. Pendahuluan

Kepimpinan merupakan suatu kebolehan individu dalam mempengaruhi orang lain atau pun orang bawahan ke arah pencapaian matlamat organisasi. Kepimpinan turut dilihat sebagai tindakan mempengaruhi orang lain dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan tugas di kalangan ahli-ahli organisasi. Peranan pemimpin sangat penting untuk memastikan organisasi yang dipimpin beroleh kejayaan. Kepimpinan amat diperlukan dalam usaha memimpin, mengawal perlakuan ahli-ahli dalam organisasi ke arah matlamat yang telah disasarkan. Kepimpinan juga adalah proses membentuk wawasan, menimbulkan inspirasi ke arah komitmen yang lebih tinggi, serta berkeupayaan mengarah usaha sumber manusia selaku modal insan ke arah pencapaian matlamat organisasi. Keperluan manusia sebagai pemimpin berlandaskan Al-Quran telah pun dijelaskan seperti dalam firman Allah SWT:

“Dan tatkala Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, ‘Aku hendak jadikan Khalifah di muka bumi’” (Surah Al-Baqarah, ayat 2:30).

Kepimpinan yang beretika sangat diperlukan bagi pembinaan organisasi yang berkualiti, proaktif dan bertamadun. Pemimpin beretika menjadi contoh yang baik dan berupaya melayan semua pihak secara adil. Apabila pemimpin jujur dan adil, pengikut akan berasa lebih gembira dan boleh bekerja dengan lebih baik. Kajian lepas berjaya menunjukkan bahawa apabila pemimpin beretika, maka pekerja selaku pengikut didapati menjadi lebih komited terhadap kerja mahupun organisasi disebabkan masing-masing berupaya melakukan tanggungjawab dengan lebih baik secara keseluruhan (Rasidah et al., 2022). Pemimpin yang beretika juga boleh membantu mencegah tingkah laku buruk di tempat kerja, atau mengelakkan kecenderungan tingkah laku negatif. Ini kerana pengikut akan meniru tingkah laku ketua samada secara disedari atau tidak bilamana ia boleh terbentuk menjadi budaya dan amalan. Oleh itu, pengikut akan lebih cenderung untuk berkelakuan baik jika pemimpin atau ketua beretika dan beradab. Agak jelas, kewujudan pemimpin atau ketua yang beretika adalah elemen yang penting dalam proses dan usaha menangani pelbagai masalah sikap dan etika dalam kalangan ahli organisasi (Nor Shila, 2016). Kesan yang timbul ekoran daripada gaya kepemimpinan ketua boleh menjadi penentu kepada budaya sikap dan adab dalam organisasi.

2. Kepimpinan Ketua yang Beretika dalam Pembangunan Insan

Kepimpinan beretika ditakrifkan sebagai pemimpin yang bertingkah laku sesuai secara interpersonal dan intrapersonal, malahan berupaya menggalakkan tingkah laku positif dalam kalangan pengikut melalui komunikasi dua hala, penegasan dan tingkah laku membuat keputusan (Brown dan Trevino 2006). Transformasi pemimpin beretika yang bersikap telus dan adil membolehkan pengikut atau pekerja turut boleh memberikan kesan positif dalam sikap, emosi dan perasaan (Walumbwa et al. 2011; Xu et al. 2016). Selaras dengan itu juga, pemimpin beretika mampu mempengaruhi peningkatan prestasi, penglibatan dan kepuasan kerja, serta sebagai identiti unik dalam organisasi (Bedi et al. 2016), mahupun mempengaruhi prestasi organisasi secara keseluruhan (Shin et al. 2015). Keupayaan pemimpin berperanan sebagai model yang mempengaruhi tingkah laku pengikut turut difokuskan dalam teori pembelajaran sosial (Bandura, 1986).

Dari aspek kepemimpinan beretika dan berkarisma, seharusnya umat Islam boleh menyusuri contoh terbaik untuk dihayati bersama dengan mengakui kehebatan Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang sangat dimuliakan Allah SWT dan sangat dirindui serta dikasihi umat Islam. Malahan setiap tindakan, pandangan dan ajaran daripada Rasulullah SAW adalah sentiasa bersandarkan kepada wahyu Allah SWT. Michael Hart dalam bukunya bertajuk ‘Seratus Tokoh Paling Berpengaruh dalam Sejarah’ menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW bukan semata-mata selaku pemimpin agama, akan tetapi juga adalah sebagai pemimpin dunia (Michael, 2000).

Banyak fakta telah menunjukkan bahawa selaku pendorong terhadap gerakan penaklukan yang dilakukan bangsa Arab (muslimin), pengaruh kepimpinan politik baginda berada dalam kondisi yang sentiasa di hadapan. Michael Hart menilai wujudnya kombinasi yang sangat seimbang antara keperluan duniawi dan ukhrawi sehingga melalui penelitiannya dan kajiannya, beliau mengakui Nabi Muhammad SAW adalah seorang insan yang sangat berpengaruh dalam pensejarahan manusia sepanjang zaman (Michael, 2000). Walau berada dalam tahap mana pun kepimpinan umat Islam, keupayaan memimpin oleh baginda Rasulullah SAW seharusnya menjadi contoh ideal dan idola terbaik bagi umat Islam (Siti, 2009). Sememangnya semua manusia itu merupakan khalifah di muka bumi ini. Realiti itu perlu menjadi garis panduan jelas untuk ketua-ketua di tempat kerja menjadi contoh yang relevan kepada para pekerja. Dimensi ciri-ciri kepimpinan yang perlu ada pada individu yang menjadi pemimpin mahupun ketua yang beretika diperincikan dalam perbincangan selanjutnya.

3. Dimensi Kepimpinan dan Ketua yang Beretika

3.1 Ketua yang dicintai

Manusia mungkin boleh menyintai dan menyayangi orang lain tanpa memimpin mereka, akan tetapi manusia mungkin tidak dapat memimpin orang lain dengan tanpa menyintai dan tanpa menyayangi mereka. Oleh itu, menjadi keperluan untuk menjadi insan yang mempunyai hubungan yang baik sesama manusia lebih-lebih lagi jika berada di tahap sebagai seorang pemimpin ataupun ketua. Ketua yang tidak disukai, tidak disenangi dan tidak disayangi memberikan petanda wujudnya kesukaran untuk pekerja memahami dan menerima aspirasi ketuanya dengan yang hati yang berlapang dada. Watak dan peribadi seseorang ketua itu banyak mempengaruhi faktor emosi dan mental pekerja di tempat kerja.

Adakah terlalu sukar untuk menjadikan watak dan peribadi Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik bagi membantu kita mengemudikan arah hidup kita secara lebih dinamik? Seharusnya masyarakat mendalami sejauh mana Rasulullah SAW bertindak, berfikir dan mentafsir keadaan sebagai contoh jika sedang berbicara dengan orang lain, baginda pasti akan memberikan sepenuh perhatian malahan akan menghadapkan seluruh tubuhnya di hadapan orang tersebut. Seseekali baginda akan menyelitkan gurauan dan itu memperlihatkan betapa tinggi perasaan baginda yang sering berlapang dada dengan orang lain sehingga boleh menerima orang lain seadanya. Baginda juga sangat disenangi oleh sesiapa juga dari pelbagai golongan manusia. Ini selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kemudian termasuk golongan orang beriman, yang saling menasihati, supaya bersabar dan berkasih sayang” Surah Al-Balad, ayat 90:7).

Sifat dan peribadi mulia menjadi keutamaan yang akan membolehkan seseorang ketua akan diletakkan sebagai model mahupun idola beretika yang boleh dicontohi para pekerja. Pemimpin atau ketua adalah untuk dihormati bukannya ditakuti, untuk disayangi bukannya dimusuhi, dikagumi bukannya digeruni dan dimuliakan bukannya dihina. Senario yang positif itu membolehkan ahli organisasi akan berasa lebih selesa, selamat dan aman di bawah kepimpinan ketua yang beretika dan dicintai, malah boleh menjadikan ahli organisasi lebih bersemangat untuk melakukan tugas dengan produktif (Rasidah et al., 2022). Setiap visi dan misi organisasi mampu dicapai secara sukarela apabila para pekerja dapat bekerja dengan lebih tenang dan ikhlas.

3.2 Ketua yang Dipercayai

Menurut pandangan Ary Ginanjar melalui model kepimpinan ESQ, seseorang yang memiliki nilai integriti yang tinggi merupakan individu yang berani dan tekad berusaha mencapai segala yang diaspirasikan dengan berteraskan nilai-nilai murni (Ary, 2008). Individu yang begini juga akan lebih konsisten dalam menentukan pilihan demi pilihan dalam hidupnya. Sebagai seorang ketua di mana-mana organisasi pekerjaan, dengan gaya dan sikap yang berprinsip serta berintegriti akan membuatkan pekerja mencontohi ketua. Kepercayaan terbina daripada pihak pekerja terhadap ketua sehingga timbul keyakinan dan wujud harapan mahupun aspirasi yang selari dan sama.

Pemimpin atau ketua yang dipercayai turut dilihat dari sudut keadilan dan kejujurannya (Ary, 2008). Ini selaras dengan contoh terbaik yang boleh kita ambil daripada watak dan peribadi Rasulullah SAW. Sikap baginda yang adil dan saksama dapat dilihat melalui satu peristiwa perang saudara melibatkan dua kumpulan besar yang berselisih pendapat mengenai siapakah sebenarnya yang perlu mendapat kehormatan untuk meletakkan batu Hajarul Aswad di tempatnya (Siti, 2009).

Keputusan Rasulullah SAW yang bijaksana dalam membantu menyelesaikan masalah tersebut secara adil dan jujur telah memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Melalui keadaan ini dapat menunjukkan bagaimana pihak-pihak yang berselisih pendapat itu sebenarnya mempunyai kepercayaan yang sangat jitu terhadap keupayaan Rasulullah SAW, sehinggakan mereka yakin untuk meminta bantuan baginda dalam memecahkan kemelut perselisihan tersebut. Akhirnya penyelesaian masalah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW berjaya

melaikan segala konflik (Siti, 2009). Dengan contoh itu, pemimpin adalah perlu untuk dipercayai agar timbul rasa yakin pengikut untuk mereka jadikan rujukan jika berhadapan dengan sebarang permasalahan. Pemimpin yang berjaya mewujudkan rasa yakin pengikutnya membolehkan tugas dapat dilaksanakan dengan lebih proaktif, efektif dan sistematik.

3.3 Ketua sebagai Pembimbing

Tahap seterusnya sebagai seorang ketua yang perlu ada daya kepimpinan yang tinggi adalah dengan kemampuan untuk menjadi seorang pembimbing. Ketua bukan dinilai dari aspek luasnya kuasa yang dimiliki, akan tetapi perlu dinilai tentang keupayaan ketua bertindak sebagai motivator yang boleh mencetuskan semangat secara psikologi dalam diri pekerja. Pada peringkat ini ketua boleh membentuk kepercayaan yang teguh di kalangan pekerja terhadap ketua (Siti, 2014). Keyakinan itu dimantapkan lagi dengan elemen kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ekoran wujudnya motivasi dan konsep sendiri yang sangat positif dalam kalangan pekerja terhadap ketua dan rakan sejawat. Ini menunjukkan perkaitan rapat dengan elemen keperluan seorang ketua mempunyai sifat-sifat mahmudah seperti hati yang bersih, fikiran yang matang, redha, tabah dan sabar dalam menghadapi apa juga situasi dalam organisasi.

Terdapat sebanyak tujuh elemen yang sering membelenggu jiwa dan mental manusia sehingga menyebabkan timbul pelbagai masalah dalam hubungan sesama manusia, mahupun hubungan manusia dengan Allah SWT. Elemen-elemen itu adalah belenggu prasangka negatif, belenggu prinsip hidup, belenggu pengalaman lepas, belenggu kepentingan diri, belenggu sudut pandangan, belenggu sikap suka membanding-bandingkan dan belenggu fanatisme (Ary, 2008).

Belenggu-belenggu itu adalah antara penyebab akaun mazmumah dalam jiwa manusia semakin menggunung sehingga akhirnya merosakkan jiwa dan memakan diri sendiri. Dengan penghayatan mendalam tentang keperluan menguatkan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dari perspektif agama, jiwa dan emosi manusia seharusnya dijernihkan sehingga terbentuk skemata positif (Siti, 2011). Kesannya dapat membawa kehidupan manusia yang lebih aman damai apabila setiap manusia boleh hidup dengan sifat-sifat murni seperti berlapang dada, bertoleransi, bersangka baik dan sentiasa merasa insaf serta syukur (Siti, 2009). Perkaitan situasi ini untuk seseorang ketua adalah kerana ketua yang berjiwa dan berfikiran utuh tidak akan dibelenggu dengan elemen-elemen negatif yang boleh menghalangnya daripada menjadi pembimbing.

Menyingkap pensejarahan tentang bagaimana seorang ketua boleh mempengaruhi pengikut jelas ketara sama ada jika dinilai dari sudut positif mahupun negatif. Perbincangan ini membawa kepada realiti contoh kesan pemimpin atau ketua yang mempengaruhi pengikut dari sisi gelap yang membawa kemudaratan. Contohnya bagaimana Karl Marx iaitu seorang pemimpin aliran komunis yang kontradiksi dengan aliran kapitalisme didapati telah berupaya memesonkan pemikiran dan jiwa fitrah manusia kepada aliran yang menjerut kehidupan manusia. Pengaruh ideologi komunis ini merebak bukan setakat di Russia, malahan sampai ke negara China serta juga Asia Tenggara. Di Tanah Melayu sendiri dalam tempoh 12 tahun iaitu dari tahun 1948 sehingga tahun 1960, negara telah diisytiharkan darurat oleh pemerintah (Ho Hui Ling, 2004). Darurat terpaksa diisytiharkan kerana keperluan untuk menjaga keselamatan rakyat dan negara dalam berhadapan dengan keganasan dan kehancuran yang dilakukan oleh pihak komunis. Modus operandi mereka adalah dengan mempengaruhi pemikiran golongan pekerja termasuklah melalui kesatuan pekerja bagi menggerakkan pemberontakan dan melakukan huru hara dalam usaha menjatuhkan pentadbiran negara (Ho Hui Ling, 2004).

Ramai nyawa yang terkorban dan banyak harta benda awam serta harta negara yang musnah. Kekacauan berlaku di sana sini sehingga rakyat hidup dalam penderitaan dan tiada kebebasan. Setelah parti komunis ditumpaskan, negara kembali bangkit dengan penuh kepayahan bagi membaiki semula segala kerosakan yang menelan jutaan wang (Ho Hui Ling, 2004). Apakah itu sangat berbaloi bagi pihak komunis sehingga membutuhkan mata dan hati pada konsep perjuangan yang menyalahi norma? Dalam kepelbagaian senario dan keadaan yang mencengkam perjalanan politik dan semangat nasionalisme, kedapatan ramai ahli masyarakat dunia pada masa itu yang tidak dapat berpijak pada realiti landasan kebenaran, apatah pula bila dipengaruhi dengan ilmu kepimpinan dan konteks perjuangan dalam ideologi yang salah dan melanggar norma manusia.

Dalam isu itu, dapat dinilai betapa ketua komunis bertindak sebagai pembimbing kepada ahli-ahlinya malahan menjadi pencetus semangat dan penggerak motivasi dalam alirannya. Pendekatan erti perjuangan yang diberi oleh ketua-ketua komunis pada masa itu adalah 'halal' untuk merealisasikan objektif mereka dan seolah-olah tiada istilah 'haram' dalam setiap modus operandi mereka. Akan tetapi ternyata ia mengorbankan terlalu banyak nilai murni dan merampas hak rakyat untuk hidup bahagia. Pengikut mereka memang terbimbing, namun ternyata mereka terbimbing dalam jalan yang penuh kegelapan. Malahan dalam kegelapan itu, aspirasi dan impian mereka hilang bersama hilangnya ketua-ketua mereka di tengah hutan belantara.

Apabila kita berbicara tentang kesan dari sisi negatif juga, perjuangan pihak komunis pada masa itu tetap jelas berada dalam landasan yang menyalahi dan melanggar fitrah manusia yang mahukan kebenaran hidup berlandaskan agama dan nilai murni. Tiada manusia di muka bumi ini yang inginkan hidup dalam kehancuran dan keganasan. Akan tetapi berlakunya perubahan dalam skemata dan stigma pemikiran juga adalah kerana kurangnya ilmu dan pendedahan akan kesan dan akibat sesuatu tindakan. Keadaan menjadi lebih kronik apabila

individu yang menjadi ahli kumpulan meyakini ketua mereka adalah sangat berwibawa. Mereka sanggup menjunjung aspirasi dan menuruti apa yang dibawa serta disampaikan oleh ketua itu. Seheinggakan dari perspektif yang sangat dangkal melihat perjuangan itu sebagai perjuangan yang terbaik bagi menumpaskan apa yang difikirkan terburuk.

Sama ada imperialisme kuasa Jepun di Tanah Melayu dengan slogan 'Asia untuk Asia', mahupun imperialisme kuasa barat iaitu British di Tanah Melayu, masing-masing mempunyai agenda tersendiri sehingga membolehkan pengikut mereka sangat terpengaruh dengan setiap skemata yang terpupuk dalam minda dan jiwa mereka untuk akur dengan visi dan misi organisasi. Secara kontranya, adakah itu dihalakan pada jalan yang berlandaskan kebenaran yang dituntut agama dan adakah itu membawa kepada nilai bimbingan ketua yang menjadi pemimpin dalam menghalakan perjuangan murni demi keharmonian sejagat? Sedang kenyataannya, mereka sanggup mengorbankan nilai sejagat hanya untuk menegakkan nilai palsu ciptaan mereka dalam dunia yang terbelenggu dengan pelbagai elemen seperti prejudis dan diskriminasi. Kepimpinan mereka adalah dari sisi negatif sehingga membawa gelombang negatif dalam kehidupan manusia yang menjadi mangsa. Kesan yang ditinggalkan adalah penuh dengan kemudaratan terhadap pembangunan bangsa dan negara (Siti Sarawati, 2017).

Menelusuri pula sejarah penjajahan kuasa barat di Tanah Melayu sebelum merdeka. Kepimpinan British meletakkan kuasa dominan mereka untuk mereka bentuk corak dan aliran pentadbiran serta ekonomi di Tanah Melayu mengikut acuan mereka. Malahan melakar senario baru dalam fenomena sosial, budaya dan pendidikan mengikut dimensi imperialisme mereka melalui dasar pecah dan perintah. Kesannya rakyat Tanah Melayu melalui sistem ekonomi, sosial dan pendidikan yang terpisah mengikut etnik. Tentera dan pengikut dalam pentadbiran British bersatu hati, minda dan tenaga merealisasikan apa yang diarahkan oleh kepimpinan mereka. Dari sisi positif keakuran kepada kuasa ketua, pasukan penjajah British berjaya membina iklim baru dalam dunia Tanah Melayu. Namun begitu, dari sisi negatif mereka telah meninggalkan kesan yang teramat dalam kepada Malaysia kini. Kesan itu melangkaui konteks perpaduan yang menjadi jerih perih pemerintah dahulu dan juga kini dalam usaha menyatukan semua etnik merentas semua. Perjuangan adalah proses dan masih diteruskan kini demi keamanan negara.

Berada di abad kini pula, dunia disaksikan dengan kerakusan dan kekejaman Zionis Israel di bumi Palestin. Profesor Ilan Pappé, seorang pakar dalam sejarah dan sains politik, telah pun berulang kali menyatakan bahawa gerakan Zionis Israel sejak tahun 1948 mempunyai matlamat pembersihan etnik dan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin di bumi Palestin sendiri. Pada abad ke-21 ini didapati pembunuhan beramai-ramai oleh Zionis telah meningkat secara eksponen, yang telah mengakibatkan peningkatan jumlah kematian dalam kalangan rakyat Palestin (Zulkifli, 2024). Seawal dahulu satu pembunuhan beramai-ramai telah berlaku di kampung Deir Yassin pada tahun 1948, sebelum pengisytiharan Israel, dan diikuti dengan beberapa siri pembunuhan beramai-ramai yang diistilahkan kini sebagai genosid, termasuk semasa Tragedi Sabra-Shatila 1982, yang telah mengorbankan seramai 3,000 orang Palestin. Dari 7 Oktober 2023 sehingga minggu pertama bulan Mei 2024, sejumlah 34,596 rakyat Palestin yang telah terbunuh, dengan angka kematian harian kira-kira 190 orang. Majoriti yang syahid dan terkorban merupakan golongan kanak-kanak dan wanita, yang sememangnya tidak bersenjata dan tidak terlatih sebagai pasukan tentera (Zulkifli, 2024). Kejadian tragis ini jelas menunjukkan ia bukan peperangan, akan tetapi suatu genosid yang digerakkan dan diarahkan oleh pemimpin dan ketua Zionis Israel yang tidak berperikemanusiaan (Nuraina Hanis, 2023). Bencana itu dicorakkan oleh senario kepatuhan yang tidak berbelah bahagi dalam kalangan pengikut Zionis Israel untuk melaksanakan tindakan genosid ke atas rakyat Palestin. Kepatuhan yang melanggar norma sejagat itu sangat-sangat tidak beretika dan tidak beradab kerana membawa kehancuran dan memudaratkan tamadun bangsa Palestin tanpa belas kasihan.

Kembali kita kepada realiti fitrah insan dan kehidupan. Sekali lagi kita harus akur bahawa seseorang pemimpin atau ketua itu perlu membimbing, mengarah, mempengaruhi dan memberikan kekuatan secara emosi dan minda kepada pengikut dengan panduan yang betul di jalan yang lurus (Siti, 2012). Komitmen ini bukan suatu tugas yang mudah kerana bakal berdepan dengan risiko daripada kesan pemikiran dan tingkah laku setiap pengikut. Namun kejayaan pemimpin dalam membimbing pengikut dalam arus yang seiring dengan nilai dan norma sejagat, adalah suatu yang sangat bermakna apabila pengikut pula akan mewarisi gaya kepimpinan ketua. Bimbingan yang berhikmah itu pasti menjadi suatu kelangsungan dari satu generasi ke satu generasi yang gemilang, bertamadun dan hidup sejahtera.

3.4 Ketua yang Berkeperibadian

Ketua dalam mana-mana organisasi seharusnya memiliki keperibadian yang signifikan yang sehalu dengan fungsinya yang perlu dihormati, disayangi, dipercayai dan berupaya membimbing pengikut-pengikutnya secara konsisten. Kemantapan elemen kecerdasan emosi dan spiritual membolehkan ketua akan kelihatan lebih berketerampilan sebagai ketua yang mampu untuk membawa organisasinya ke arah tuntutan bekerja yang

menjadi ibadah hanya kerana Allah SWT. Ketua yang berkeperibadian mulia perlu bijak meletakkan dirinya dalam pelbagai situasi dan menghindarkan diri dari perkara yang boleh mendatangkan fitnah pihak lain.

Dari aspek komunikasi sehinggalah ke aspek tingkah laku, segalanya perlu dititik-beratkan demi membawa suatu budaya positif dalam iklim seharian organisasi yang memberikan pelbagai impak. Tidak dapat kita nafikan bahawa tempoh waktu ketua dan pekerja di tempat kerja adalah lebih lama berbanding dari masa di rumah. Oleh itu, perlu kita fahami juga bagaimana suasana bekerja turut banyak mempengaruhi sikap dan pemikiran pekerja itu (Siti, 2012). Perkaitan perkara ini memperlihatkan betapa perlunya seseorang ketua itu untuk berupaya tampil sebagai ketua yang berperibadi mulia dan mempunyai kemahiran sosial serta tahap kesedaran tinggi terhadap pekerja agar pekerja akan berasa lebih selamat dan tenteram.

Kejayaan pemimpin yang mempunyai peribadi mulia boleh kita soroti dari pelbagai sejarah masa lalu. Contohnya kejayaan umat Islam dalam menawan kota Konstantinopel melalui perjuangan ketuanya iaitu Sultan Muhammad Al-Fateh. Sejak kecil lagi, beliau telah dididik dengan ilmu agama dan dilatih hidup sederhana (Abdul Latip, 2008). Beliau juga dimantapkan dengan ilmu kepahlawanan dan peperangan. Seawal usia remaja lagi, beliau tajam dalam berfikir dan gigih merancang strategi mengendalikan pusat pemerintahan. Beliau juga sangat bercita-cita untuk menawan kota Konstantinopel, walaupun sedar bukan suatu perjuangan yang mudah. Namun ada sabda dari Nabi Muhammad SAW yang diungkapkan baginda pada 800 tahun sebelum itu sangat melekat di hati dan fikiran Sultan Muhammad Al-Fateh sehingga menjadi motivasi yang kekal bersebuti dalam dirinya untuk gigih mencapai kemenangan (Abdul Latip, 2008). Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan Islam. Pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan yang berada di bawah komandonya adalah sebaik-baik pasukan” (Hadis Riwayat Ahmad bin Hanbal Al-Musnad 4/335).

Sultan Muhammad Al-Fateh sanggup turut serta dalam membina tembok bersama-sama pengikut dan tenteranya, walaupun pernah diruntuhkan oleh tentera Konstantinopel. Beliau sangat disayangi dan disanjung rakyat, malahan pengikut dan rakyat sanggup sama-sama berjuang untuk menawan Konstantinopel. Sultan Muhammad al-Fateh juga adalah sebaik-baik raja yang sentiasa beristiqamah dalam beribadat serta berakhlak dengan sesama manusia. Kekuatan peribadi beliau itu menyebabkan beliau layak diiktiraf sebagai pemimpin yang unggul. Akhirnya pada tahun 1453, kota Konstantinopel berjaya jatuh ke tangan umat Islam yang diketuai Sultan Muhammad al-Fateh dan nama kota itu ditukarkan kepada Islambol. Kini lebih dikenali sebagai Istanbul iaitu satu wilayah terkenal di Turki. Hayat Sultan Muhammad Al-Fateh berakhir apabila beliau mangkat kerana diracun oleh seorang yahudi ketika berusia 49 tahun (Abdul Latip, 2008). Namun namanya tetap mekar dalam sejarah Islam sebagai seorang pemimpin yang cekal, kental jiwa dan bertakwa. Inilah salah satu contoh pemimpin yang berkeperibadian mulia sehingga mampu untuk membawa bersama pengikutnya di jalan yang benar bagi mencapai kejayaan berlunaskan syarak Islam.

Perbezaan gelombang dan tatacara tingkah laku, pemikiran dan jiwa antara pemimpin yang beretika dengan pemimpin yang tidak beretika sangat-sangat memberikan kesan yang tersendiri samada kesan positif atau negatif kepada organisasi mahupun kepada orang lain. Tingkah laku pemimpin berupaya membentuk tingkah laku pengikut. Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat mementingkan insan dan keinsanan, adab dan etika adalah sangat-sangat menentang dan membenci tingkah laku pemimpin-pemimpin yang tidak beretika. Sebagai solidariti kepada nasib rakyat Palestin, Malaysia menyokong penuh keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) agar Israel sepatutnya bertanggungjawab penuh ke atas kekejaman, jenayah terhadap kemanusiaan dan genosid yang dilakukan terhadap rakyat Palestin di Semenanjung Gaza (Latifah, 2024). Dengan prinsip jelas berasaskan isu kemanusiaan di Palestin, pemimpin negara Malaysia bertindak sebagai pemimpin yang berkeperibadian tinggi kerana mengajak rakyat bersama-sama menghayati erti perjuangan rakyat Palestin serta memberikan sokongan dan semangat kepada rakyat Palestin dengan tulus ikhlas tanpa berbelah bahagi. Kementerian Luar Malaysia turut menegaskan, keputusan itu selaras dengan gesaan Malaysia yang berpendirian teguh bahawa kekejaman Israel di Gaza mesti dihentikan segera (Latifah, 2024).

Ringkasnya, kepimpinan beretika membawa organisasi memiliki pemimpin atau ketua yang berperibadi utuh dan mulia. Keperibadian mulia pemimpin mencipta budaya dan senario yang melatih ahli organisasi juga untuk berperibadi mulia, kerana persamaan watak mencetuskan aura kedekatan dan intrapersonal yang dinamik, dalam sisi jalur yang menjulang nilai dan norma sejagat.

4. Rumusan

Keupayaan pemimpin dan ketua untuk mengetengahkan kepentingan menjadi insan yang beretika berupaya membantu meningkatkan elemen tingkah laku pengikut ke arah yang lebih mulia dan berkomitmen bagi meningkatkan kualiti hidup. Aspek kepimpinan melalui teladan perlu dihayati sebagai suatu dimensi kerangka panduan menjadi contoh terbaik dalam pengendalian sesebuah organisasi. Kekuatan melalui domain psikologi

merangkumi aspek emosi, mental dan fizikal boleh membantu melahirkan masyarakat yang lebih berprinsip, berpersonaliti unggul dari segi komunikasi, ilmu, jiwa dan pemikiran. Dengan kekuatan bersifat positif itu, rakyat negara pasti mampu muncul sebagai rakyat pada sebuah negara bangsa yang dikagumi dan dihormati oleh seantero dunia, bilamana pelbagai isu tidak beretika dapat dibanteras seperti penyelewengan kuasa, penindasan, amalan kronisme, rasuah dan tidak berintegriti. Negara berupaya menjadi kuat dengan pertahanan benteng yang mantap iaitu benteng rakyat yang berminda, berjiwa dan berpersonaliti kelas pertama. Maka jelas, pengaruh kepimpinan yang beretika boleh menjana transformasi dalam tingkah laku pengikut, yang bersehati dan selaras dengan elemen positif dalam jiwa dan minda. Proses membentuk manusia yang beretika perlu seawalnya adalah bermula dari dalam diri sehingga ke luar. Kekuatan yang utuh dalam diri membolehkan tingkah laku luar turut menjadi positif dan selaras dengan tuntutan hidup yang sejahtera.

Penghargaan

Ribuan terima kasih dan penghargaan diberikan kepada sekretariat jurnal dan Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang penerbitan artikel ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan penulis untuk penghasilan bersama ini.

Konflik Kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam kertas kerja ini.

Penglibatan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas kerja seperti berikut: **pendahuluan, kepimpinan ketua beretika dalam pembangunan insan, dan dimensi kepimpinan ketua beretika:** Siti Sarawati Johar; **dimensi kepimpinan ketua beretika:** Noranifitri Md Nor; **dimensi kepimpinan ketua beretika:** Harliana Halim; **rumusan:** Siti Sarawati Johar. Semua pengarang menyemak hasil penulisan dan meluluskan versi akhir manuskrip.*

Rujukan

Abdul Latip Talib (2008). Sultan Muhammad al-Fateh – Penakluk Konstantinopel. Kuala Lumpur: Publishing House.

Ary Ginanjar Agustian (2008). ESQ Emotional spiritual quotient: rahsia sukses membangun kecerdasan emosi dan spiritual. Jakarta: Arga Publishing.

Bandura, A. (1986). Social foundations of thought and action: a social cognitive theory. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.

Bedi A., Alpaslan, C.M. & Green, S. (2016). A meta-analytic review of ethical leadership outcomes and moderators. *Journal of Business Ethics* 139(3): 517-536.

Brown M.E., Trevino, L.K. & Harisson, D. (2005). Ethical leadership: a social learning perspective for construct development and testing. *Organizational Behavior and Human Decision Process* 97(2): 117-134.

Ho Hui Ling (2004). Darurat 1948-1960: Keadaan sosial di Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Imam Ahmad Muhammad Hanbal (2010). Musnad Imam Ahmad bin Muhammad. Penterjemah Atik Fikri Ilyas. Jakarta: Pustaka Azzam.

Latifah Arifin (Januari 27, 2024). Malaysia sokong keputusan ICJ isu genosid Israel terhadap Palestin. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1205318/malaysia-sokong-keputusan-icj-isu-genosid-israel-terhadap-palestin>

Michael, H. Hart (2000). The 100: A ranking of the most influential persons in history. USA: Citadel Press Kensington Publishing Corp.

Nor Shila Yunus (2016). Komitmen organisasi sebagai perantara hubungan antara kepimpinan beretika dengan tingkah laku kewarganegaraan organisasi. [Tesis Sarjana Sains, Pembangunan Sumber Manusia, UTM].

Nuraina Hanis Abd. Halim (Oktober 29, 2023). Ini bukan peperangan, ini genosid. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ini-bukan-peperangan-ini-genosid/>

Rasidah Arshad, Norulhuda Tajuddin, Nor Shuhadannisah Abd Shukor & Muhammad Rahmat Abdullah (2022). Pengaruh Kepimpinan Beretika terhadap Tingkah Laku Kerja Tidak Produktif: Komitmen Organisasi, Identifikasi Organisasi dan Kepercayaan sebagai Pengantara. *Asian Journal of Accounting and Governance*. 18: 135-146.

Shin Y., Sung, S.Y., Choi, J.N. & Kim, M.S. (2015). Top management ethical leadership and firm performance: mediating role of ethical and procedural justice climate. *Journal of Business Ethics* 129(1): 43-57.

Siti Sarawati Johar (2009). Kecerdasan Emosi Dan Spiritual Pekerja Melalui Kepimpinan Ketua Dari Perspektif Model ESQ Ary Ginanjar: Cabaran & Harapan Modal Insan. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Malindo Nusantara* 2009, 1 (4). 1-15.

Siti Sarawati Johar (2011). Kecerdasan Emosi Ketua Dalam Elemen Tadbir Urus Insan Dari Perspektif Model Kerohanian Imam Al-Ghazali. *UNISZA Prosiding International Management Conference (IMAC2011)*, 96, 1-15.

Siti Sarawati Johar (2012). Dimension of Psychoticism Personality among Leader and the Impact towards Self-Esteem of Employee through the Perspective of Emotional Management in Organization. *Engineering & Technology Digital Library*. Vol. 25, 1, 163-168.

Siti Sarawati Johar (2014). Fungsi Tadbir Urus Insan Dan Kecerdasan Emosi Ketua Terhadap Integriti Pekerja Dalam Pembangunan Modal Insan. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian INSAN2014*, 3 (1), 1-21.

Zulkifli Khair (Mei 8, 2024). Genosid Zionis hapus Pendidikan bangsa Palestin secara terancang. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2024/05/1244330/genosid-zionis-hapus-pendidikan-bangsa-palestin-secara-terancang>